

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

1. Nyatakan status pelaksanaan projek pelebaran jalan raya dari Jalan Perusahaan (Autocity) hingga ke persimpangan Jalan Juru dan Jalan Tok Kangar dan bila ia akan disiapkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kemajuan kerja projek pelebaran dan penaiktarafan jalan dari Jalan Perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar (Fasa 2) adalah sebanyak 70% dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku kedua tahun 2025.

Kerja-kerja pengalihan kabel utiliti sedia ada milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah selesai pada 2 Mei 2024. Baki kerja pengalihan utiliti Telekom Malaysia (TM) yang tidak dapat dijalankan disebabkan oleh halangan kabel TNB telah dimulakan di tapak pada 14 Mei 2024. Keseluruhan kerja-kerja pengalihan utiliti TM dijangka selesai pada bulan Julai 2024.

Kerja-kerja penurapan jalan di bahagian kanan jalan (jajaran jalan bersebelahan Lebuhraya PLUS) pula akan dilaksanakan dalam waktu terdekat untuk memberi ruang kepada pengalihan trafik dari bahagian kiri jalan (jajaran jalan bersebelahan Petronas). Pengalihan trafik dijangka akan dilaksanakan pada bulan Jun 2024.

Bagi pelaksanaan projek Fasa 3 iaitu dari persimpangan Taman Seri Delima hingga persimpangan lampu isyarat Jalan Juru/Jalan Tok Kangar) pula, kerja-kerja pembinaan di tapak akan dijalankan setelah urusan pengambilan balik tanah yang kini sedang dilaksanakan oleh

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSP) selesai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

2. Nyatakan anggaran kutipan hasil tambahan PBAPP setiap tahun dengan pelaksanaan tarif air baharu dan butiran jumlah kos subsidi air yang ditanggung oleh PBAPP kepada pengguna domestik dari tahun 2019 sehingga terkini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menganggarkan kutipan hasil tambahan PBAPP setiap tahun khususnya pada tahun 2024 adalah sebanyak RM86 juta dengan pelaksanaan tarif air baharu. Butiran jumlah kos subsidi air yang ditanggung oleh PBAPP kepada pengguna domestik dari tahun 2019 sehingga terkini adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH KOS SUBSIDI AIR
2019	RM100 Juta
2020	RM97 Juta
2021	RM99 Juta
2022	RM105 Juta
2023	RM116 Juta
2024	RM61 Juta (anggaran)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

3. Nyatakan secara spesifik bagaimana PBAPP akan menggunakan hasil kutipan lebihan daripada kenaikan tarif air untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur bagi meningkatkan perkhidmatan pembekalan dan daya tahan air negeri.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) akan menggunakan hasil kutipan lebihan daripada kenaikan tarif air baharu untuk perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan fasiliti bekalan air. Antara projek-projek infrastruktur bekalan air segera yang akan dibangunkan bagi meningkatkan perkhidmatan pembekalan dan daya tahan air negeri adalah seperti berikut:
 - (i) Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP 2030) dengan anggaran kos pelaburan sebanyak RM1.18 bilion yang akan meneroka tiga (3) sumber air mentah tambahan baru di Seberang Perai (Empangan Mengkuang, Sungai Kerian dan Sungai Perai) serta meningkatkan kapasiti rawatan air di Seberang Perai dan kapasiti pengepaman air terawat ke bahagian pulau;
 - (ii) Saluran Paip Sungai Perai 1,350mm baharu yang melintasi Sungai;
 - (iii) Tambahan saluran paip 400 juta liter sehari (JLH) untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran Empangan Mengkuang yang diperbesarkan kepada 1,000 JLH untuk meminimumkan ancaman kemalangan Sungai Muda pada masa hadapan; dan

- (iv) Projek saluran paip dan penggantian saluran paip untuk mengelakkan gangguan bekalan air tidak berjadual dan mengurangkan kehilangan air tidak berhasil (NRW).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

4. Apakah kelebihan dan kekurangan kepada negeri sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)?
 - (a) Nyatakan perkara-perkara yang sedang dipertimbangkan Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan sama ada akan menerima pakai Akta 672.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kebaikan dan kekurangan pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	KEBAIKAN	KEKURANGAN
1.	Peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.	Caruman tetap oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Penambahan caruman bagi kawasan-kawasan baharu.
2.	Pembangunan dan pengoperasian Loji <i>Waste to Energy</i> (WTE) akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.	Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak terlibat dalam perancangan fasiliti sisa pepejal.

3.	Pelantikan anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai syarikat konsesi.	Kerajaan Negeri dan PBT tertakluk kepada Akta 672 dan peraturan-peraturan baharu.
----	---	---

- (a) Kerajaan Negeri dan PBT sedang meneliti dengan terperinci syarat-syarat yang akan dikemukakan kepada pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) semasa sesi rundingan bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dan PBT terpelihara kelak. Perkara ini juga adalah bagi memastikan mutu dan tahap perkhidmatan tahap pembersihan di negeri Pulau Pinang terjaga atau ditingkatkan sekiranya pemakaian akta tersebut berlaku.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

5. Nyatakan secara terperinci Pelan Strategik 2024 - 2028 PDC untuk dijadikan sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang.


JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. PDC telah merangka dan menyediakan Pelan Strategik bagi tempoh 5 tahun iaitu dari 2024-2028 secara terperinci dan komprehensif. Pelan Strategik PDC yang baru yang berpaksikan LABS akan menjadi panduan dan hala tuju PDC bagi tempoh 5 tahun akan datang. Fokus utama teras strategik yang akan diberi perhatian adalah lebih kepada Inovasi Tanah (*Land Innovation*), Inovasi Aset (*Asset Innovation*), Perniagaan Mampan (*Business Sustainability*) dan Profesional Pintar (*Smart Professional*).

PDC LABS terdiri daripada empat (4) teras utama dan 15 strategi yang mana implementasi strategi yang dirangka diyakini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang yang lestari dan pembangunan fizikal yang mampan ke arah mencapai visi Penang 2030.

Antara projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Pelan Strategik PDC 2024 - 2028 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

PDC telah merangka dan menyediakan Pelan Strategik bagi tempoh 5 tahun iaitu dari 2024-2028 secara terperinci dan komprehensif. Pelan Strategik PDC yang baru yang berpaksikan “LABS” akan menjadi panduan dan hala tuju PDC bagi tempoh 5 tahun akan datang. Fokus utama teras strategik yang akan diberi perhatian adalah lebih kepada Inovasi Tanah (*Land Innovation*), Inovasi Aset (*Asset Innovation*), Perniagaan Mampan (*Business Sustainability*) dan Profesional Pintar (*Smart Professional*).



PDC LABS terdiri daripada 4 teras utama dan 15 strategi yang mana implementasi strategi yang dirangka diyakini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang yang lestari dan pembangunan fizikal yang mampan kearah mencapai wawasan Penang 2030.

Antara projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Pelan Strategik PDC 2024-2028 adalah seperti berikut:

Teras 1 - Land Innovation

1. Cadangan pengambilan balik tanah

Cadangan pengambilan balik tanah berkeluasan 3,000 ekar dengan anggaran kos sebanyak RM3 bilion sedang dalam peringkat kajian. Pengambilan balik tanah adalah bagi pembukaan taman perindustrian yang baru untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya meningkatkan ekonomi Pulau Pinang. Dalam masa yang sama, penambahan bank tanah PDC juga akan dilaksanakan melalui kaedah tebus guna tanah.

2. Pembangunan Linear Waterfront

Cadangan pembangunan Linear Waterfront oleh PDC bagi tujuan pembangunan bercampur dengan keluasan 200 ekar yang akan ditebus guna di kawasan Bayan Lepas dengan anggaran kos sebanyak RM760 juta.

3. Pembangunan Medi-City

Bandar Cassia juga direncanakan sebagai sebuah bandar perubatan berteknologi tinggi yang akan menjadi titik tumpuan perkhidmatan perubatan bukan sahaja bagi negeri Pulau Pinang malah juga di Asia Tenggara. Oleh yang demikian, PDC bersama-sama pelabur yang berminat bercadang untuk membangunkan projek Medi-City dengan konsep tersendiri iaitu mengintegrasikan komponen hub perubatan seperti hospital pakar, pusat rehabilitasi, pembangunan dan penyelidikan (R&D) dengan anggaran kos berjumlah RM12 bilion.

Teras 2 - Asset Innovation

1. The Coast

Cadangan pembangunan The Coast berkeluasan 5 ekar adalah berkonseptkan pembangunan bercampur (ruang pejabat, komersial dan kediaman) di kawasan Batu Maung dengan anggaran kos sebanyak RM700 juta.

2. GBS@Technoplex

PDC sentiasa peka dengan permintaan pasaran berkaitan Perkhidmatan Perniagaan Global (Syarikat GBS). Oleh itu, PDC akan terus membangunkan GBS yang mana projek di dalam perancangan adalah projek GBS@Technoplex di kawasan Bayan Lepas berkeluasan 427,000 kaki persegi dengan anggaran kos pembangunan berjumlah RM308 juta.

3.	<p>Pembangunan <i>logistic</i> dan <i>distribution park</i> - Batu Maung & Bandar Cassia</p> <p>Selaras dengan perkembangan sektor perindustrian, sub-sektor sokongan dalam membantu dan menjana kelestarian sektor perindustrian akan turut diperluaskan. PDC merancang untuk membangunkan <i>logistic</i> dan <i>distribution park</i> di atas tapak seluas 80 ekar di kawasan bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTBL) di Batu Maung dan pembangunan “distribution park” seluas 24.6 ekar di kawasan Bandar Cassia. Kedua-dua lokasi ini dikenal pasti sebagai pusat pengagihan secara langsung yang meliputi pengangkutan udara dan darat. Di samping itu ia juga mampu melengkapi kemudahan di antara industri sekitar dengan nilai tambah ekosistem sedia ada yang lengkap.</p>
----	---

Teras 3 – *Business Sustainability*

1.	<p>Pelaburan Strategik</p> <p>Meneliti dan melibatkan diri dalam pelaburan yang strategik dengan model perniagaan yang komprehensif bagi menjana keuntungan yang berterusan. PDC akan menerokai inisiatif-inisiatif ESG, sektor tenaga hijau yang diperbaharui melalui anak syarikat PDC serta kebolehlaksanaan <i>Real Estate Investment Trust</i> (REIT) industri bagi menjana dana untuk projek pembangunan masa hadapan PDC.</p>
2.	<p>Inovasi Pejenamaan</p> <p>Inovasi penjenamaan memainkan peranan penting dalam membezakan jenama dari pesaing, menarik perhatian pelanggan, dan membangun imej positif. Ia boleh menjadi sebahagian daripada usaha pemasaran yang lebih besar untuk mencapai keunggulan bersaing atau mengekspresikan nilai-nilai tertentu yang ingin disampaikan oleh PDC.</p>

Teras 4 – *Smart Professional*

1.	<p>Di bawah teras ini, PDC mementingkan peningkatan produktiviti yang mana PDC menitikberatkan kepada aspek seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan modal insan dengan individu yang mempunyai kombinasi kecerdasan, kebolehan, ketekunan, dan profesionalisme dalam bidang kerja atau kepakaran. ii. Pelaksanaan proses dengan menitikberatkan komponen <i>Sustainable Development Goals</i> dan ESG. iii. Transformasi sistem dan proses sedia ada ke arah pendigitalan.
----	--

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

6. Nyatakan rancangan terperinci Kerajaan Pusat untuk menaik taraf prasarana (termasuk bangunan dan kemudahan fasiliti teknologi) IPD dan balai-balai polis di Seberang Perai Tengah dari 2023 hingga 2028, khususnya Balai Polis Bukit Tengah.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Berdasarkan perbincangan pihak Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang dengan pihak Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman bertarikh 8 hingga 12 Januari 2024, IPK Pulau Pinang telah mencadangkan projek berikut:
 - (i) Cadangan pembinaan Balai Polis Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah dan perumahan di Lot 956 (tapak Balai Polis Bukit Tengah sedia ada) dengan nilai kos projek bernilai RM50 juta; dan
 - (ii) Cadangan pembinaan perumahan Balai Polis Batu Kawan, Seberang Perai Selatan di Lot 273 Mukim 13 (tapak Balai Polis Batu Kawan sedia ada) dengan nilai kos projek berjumlah RM30 juta.

Walau bagaimanapun, kedua-duanya tidak dipertimbangkan oleh pihak Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman. Oleh itu, IPK Pulau Pinang akan memasukkan semula cadangan untuk sesi Bengkel Penyediaan Projek Rancangan Malaysia RMKe-13 RP1. IPK Pulau Pinang juga akan mengemukakan cadangan projek yang lain iaitu :

- (i) Pembinaan Perumahan PDRM Fasa II IPD Barat Daya;

- (ii) Pembinaan Perumahan PDRM Fasa II IPD SPU; dan
- (iii) Pembinaan Balai Polis Sungai Bakap dan Perumahan.

Selain itu, merujuk lawatan YAB Perdana Menteri ke Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah pada 29 Mac 2024 yang lalu, YAB Perdana Menteri bersetuju meluluskan peruntukan berjumlah RM1.8 juta yang akan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (ICU) seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja membaik pulih 24 unit kquarters dan lain-lain kerja berkaitan di Balai Polis Seberang Jaya, Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang bernilai RM1.3 juta; dan
- (ii) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan surau di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang bernilai RM0.5 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

7. Nyatakan usaha dan rancangan kerajaan untuk membangunkan penggunaan perubatan tradisional dan komplementari di negeri Pulau Pinang secara meluas dan juga spesifik di hospital-hospital kerajaan.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penggunaan Perubatan Tradisional Dan Komplementari (PT&K) di Malaysia. Dasar PT&K Kebangsaan telah diperkenalkan sejak tahun 2001 di mana sistem PT&K dikenali sebagai komponen penting dalam sistem penjagaan kesihatan dan akan wujud bersama perubatan moden ke arah meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan rakyat Malaysia. Bagi mencapai Dasar tersebut, satu pelan tindakan PT&K bermula tahun 2018 sehingga 2027 (10 tahun) dengan pelan strategik yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi telah dibangunkan untuk menyelaraskan, mengawal selia, dan pembangunan ekonomi industri PT&K.

KKM telah menawarkan perkhidmatan PT&K di 15 buah hospital KKM di seluruh Malaysia serta memperkenalkan Perkhidmatan Penjagaan Tradisional *Postnatal* (PTP) peringkat penjagaan kesihatan *primer*. KKM juga telah membangunkan beberapa garis panduan amalan PT&K bagi memastikan keselamatan dan kualiti perkhidmatan tersebut.

Di Negeri Pulau Pinang, perkhidmatan PT&K termasuk akupuntur, urutan tradisional dan terapi herba sebagai rawatan sampingan kanser ditawarkan di Hospital Kepala Batas. Selain itu, Perkhidmatan

Penjagaan Tradisional *Postnatal* (PTP) juga tersedia di 7 buah klinik kesihatan di Pulau Pinang, iaitu sekurang-kurangnya 1 buah klinik kesihatan di setiap daerah. KKM juga menjalin kerjasama dengan agensi luar seperti Zakat Pulau Pinang dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Pulau Pinang dalam perancangan perluasan program perkhidmatan PTP.

Di samping itu, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JNKPP) turut aktif dalam promosi perkhidmatan PT&K, dengan mengadakan aktiviti promosi berkala kepada orang awam tentang penguatkuasaan dan ketersediaan perkhidmatan PT&K di fasiliti kesihatan KKM. Usaha ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan PT&K yang selamat serta meningkatkan penggunaannya.

- (a) Perkhidmatan PT&K sedia ada di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang:
 - (i) Akupunktur, urutan tradisional, terapi herba (rawatan sampingan kanser).
- (b) Senarai Klinik Kesihatan yang menawarkan Perkhidmatan Perubatan Tradisional *Postnatal* (PTP):
 - (i) Klinik Kesihatan Kepala Batas, Seberang Perai Utara;
 - (ii) Klinik Kesihatan Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara;
 - (iii) Klinik Kesihatan Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah;
 - (iv) Klinik Kesihatan Kubang Semang, Seberang Perai Tengah;
 - (v) Klinik Kesihatan Sungai Dia Timur Laut, Timur Laut;
 - (vi) Klinik Kesihatan Bayan Lepas, Barat Daya; dan
 - (vii) Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

8. Nyatakan projek-projek infrastruktur jalan raya yang telah diluluskan termasuk dan dicadangkan untuk dilaksanakan sama ada Kerajaan Negeri atau Pusat dalam jangka masa pendek dan panjang bagi menyelesaikan kesesakan lalu lintas di KADUN Bukit Tengah.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Projek-projek infrastruktur jalan raya yang telah diluluskan bagi menyelesaikan kesesakan lalu lintas di KADUN Bukit Tengah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

SENARAI PROJEK INFRASTRUKTUR JALAN RAYA DI KADUN BUKIT TENGAH

BIL.	KERJA	TAHUN	STATUS
1	Pelebaran jalan dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong dari persimpangan Jalan Tok Kangar ke Jalan Kebun Baru	2023	Telah siap pada 15 November 2023.
2	Penarafan jalan-jalan perparitan dan bahu jalan di Kawasan Perusahaan Bukit Tengah	2024	Dalam pelaksanaan.
3	Penarafan jalan dari Permatang Tinggi (Seksyen 740.4) Ke Sungai Juru (Seksyen 746.4) di Laluan Persekutuan FT001 Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah	2024	Telah diluluskan oleh JKR Malaysia. Kini sedang dalam peringkat kerja awalan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

9. Adakah Kerajaan Negeri masih akan menyeru Kerajaan Pusat untuk mengadakan pilihan raya PBT?
 - (a) Sekiranya ada, apakah usaha yang telah dan akan diambil Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat ini sejak Ogos 2023?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Buat masa sekarang, pelaksanaan pilihan raya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bukanlah menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Ini kerana terdapat keperluan bagi menyelesaikan perkara dasar yang utama terlebih dahulu iaitu pindaan peruntukan undang-undang Seksyen 10 dan 15, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] bagi membolehkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dapat dilaksanakan. Fokus Kerajaan Negeri buat masa ini adalah sama seperti Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk tidak diadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dalam tempoh yang terdekat ini memandangkan ia bukan menjadi fokus utama pihak KP KT buat masa ini.
 - (a) Tidak berkenaan memandangkan ia bukan menjadi fokus utama Kerajaan Negeri buat masa ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

10. Apakah status cadangan pembinaan lebuhraya bertingkat Juru-Sungai Dua dan bilakah projek tersebut dijangka siap?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Pihak PLUS telah membentangkan cadangan Lebuhraya bertingkat dari Plaza Tol Juru hingga Plaza Tol Sungai Dua di dalam Mesyuarat Kick-Off: Lebuh Raya Juru - Sungai Dua yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri pada 20 Februari 2024.

Susulan daripada itu, pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia telah mengadakan mesyuarat penyelarasan dan kick-off berhubung dengan Kerja Pengumpulan Data Trafik Secara Automatik Laluan E1 Plaza Tol Juru Ke Plaza Tol Sungai Dua pada 22 April 2024. Seterusnya, pihak KKR turut menubuhkan Pasukan Khas bagi Kajian Kesesakan Lalulintas Dari Plaza Tol Juru Ke Plaza Tol Sungai Dua (E1) Dan Kawasan Sekitar. Mesyuarat teknikal bagi kajian ini juga telah diadakan pada 20 Mei 2024 dan pihak konsultan yang dilantik oleh KKR telah membentangkan mengenai hasil dapatan pengumpulan data trafik tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

11. Nyatakan usaha dan rancangan terperinci kerajaan mengatasi permasalahan pencemaran Sungai Juru daripada sisa buangan haram kilang-kilang dan sampah-sarap ke sungai.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan memastikan setiap industri yang beroperasi dan tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 agar sentiasa mematuhi peraturan. Mana-mana pihak industri yang didapati melanggar peraturan-peraturan tersebut boleh diambil tindakan penguatkuasaan seperti tawaran kompaun dan tindakan mahkamah. Selain itu, usaha yang telah dijalankan oleh JAS Pulau Pinang bagi meningkatkan mutu kualiti air Sungai Juru adalah dengan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 melalui siasatan ke atas kilang-kilang berdasarkan perancangan tahunan, operasi gempur & bersepadu serta aduan daripada orang awam.

Oleh yang demikian, sebarang pelupusan haram buangan terjadual, sesiapa yang didapati bersalah dan apabila disabitkan boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun penjara dan didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

12. Nyatakan status cadangan pembinaan LRT di Pulau Pinang.
- (a) Bila ia dijangka bermula dan disiapkan?
 - (b) Sama ada terdapat rancangan untuk mengembangkan ketersambungan perkhidmatan LRT di bahagian Seberang Perai?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

MRT Corp telah memulakan proses perolehan untuk projek ini dan Pemeriksaan Awam untuk Segmen 2 iaitu dari Komtar ke Penang Sentral akan dilaksanakan pada suku keempat 2024. Pemeriksaan awam bagi jajaran dari Pulau Silikon ke KOMTAR tidak perlu dilaksanakan semula buat masa ini kerana ia adalah jajaran yang sama seperti yang telah ditentukan sebelum ini.

Kos Projek LRT Pulau Pinang Laluan Mutiara akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

- (a) Setelah proses perolehan dimuktamadkan, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada suku pertama tahun 2025. Pembukaan keseluruhan laluan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2030.

- (b) Terdapat 21 stesen di sepanjang laluan Bayan Lepas dan satu (1) stesen di Penang Sentral untuk menghubungkan penduduk di bahagian Seberang Perai ke bahagian Bayan Lepas. Jajaran Laluan Mutiara akan melalui kawasan yang padat seperti Bayan Lepas, Bayan Baru, Sungai Dua, Gelugor and George Town. Perincian lokasi stesen dalam peringkat pemuktamadan.

KOMTAR dirancang untuk menjadi stesen pertukaran utama di masa hadapan untuk sambungan untuk laluan ke Tanjung Bungah dan Air Itam.

Laluan Mutiara akan merentasi laut dari stesen KOMTAR ke stesen Penang Sentral. Kesesakan lalulintas disebabkan kemasukan kereta dari bahagian Seberang Perai ke Bayan Lepas dapat dikurangkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

13. Nyatakan butiran terperinci projek-projek dengan kos yang dilaksanakan oleh MBSP, JKR dan PDT SPT untuk penyelenggaraan jalan raya dan menaik taraf sistem perparitan di KADUN Bukit Tengah dari September 2023 sehingga terkini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Butiran projek penyelenggaraan jalan raya dan sistem perparitan yang telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTPST) di KADUN Bukit Tengah dari bulan September 2023 hingga bulan Mei 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**JADUAL 1: SENARAI PROJEK PENYELENGGARAAN JALAN DAN PARIT
DI KADUN BUKIT TENGAH MENGIKUT AGENSI**

BIL.	KERJA	KOS PROJEK (RM)
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)		
1	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Juru	1,248.36
2	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Cendana	21,516.56
3	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Delima	298.98
4	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Mangga	8,299.63
5	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Cendana Indah	9,118.08
6	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bayu Mutiara	566.25
7	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Seri Juru	20,267.22
8	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Cendana Indah	1,932.47
9	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Pinang	604.00
10	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bayu Mutiara	1,594.58
11	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Manis	20,563.32
12	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul	40,700.75
13	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Belimbing	23,655.95
14	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Belimbing	89,937.10
15	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Belimbing	52,048.32
16	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Belimbing	7,563.04
17	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Mangga	687.96

BIL.	KERJA	KOS PROJEK (RM)
18	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Cendana	2,829.77
19	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Jambu Mawar	3,758.79
20	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Perwira	278,691.48
21	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Kerjasama	714.23
22	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Duku	604.00
23	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bayu Mutiara	68.86
24	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Pinang	2,114.00
25	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Mangga	976.07
26	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bukit Minyak	1,463.10
27	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul	915.82
28	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Mangga	24,298.68
29	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Seri Juru	4,646.86
30	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Perwira	30,594.91
31	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Perwira	40,116.95
32	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bayu Mutiara	21,059.53
33	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Desa Damai	168,481.50
34	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bukit Minyak	229,490.05
35	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Desa Damai	28,052.71
36	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Seri Delima	3,514.61

BIL.	KERJA	KOS PROJEK (RM)
37	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bukit Minyak	72,108.66
38	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Mangga	2,718.66
39	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Mangga	7,026.93
40	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Seri Juru	196,733.69
41	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Desa Damai	9,548.29
42	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Jambu Mawar	1,057.00
43	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Desa Damai	7,671.60
44	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Perwira	255,523.53
45	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Belimbing	30,722.21
46	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Belimbing	6,325.27
47	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul	25,650.68
48	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bukit Minyak	609.51
49	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul	5,869.28
50	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Cendana Indah	788.98
51	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul	11,363.37
52	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul Jaya	119.84
53	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul	2,783.67
54	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Perwira	7,813.08
55	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Perwira	10,200.45

BIL.	KERJA	KOS PROJEK (RM)
56	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul	8,531.50
57	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Mangga	8,531.50
58	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bayu Mutiara dan Taman Seri Juru)	825.22
59	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Bayu Mutiara, Taman Sejati dan Taman Desa Juru Indah	1,666.04
60	Kerja pembaikan parit dan kerja berkaitan di Taman Sentul	2,869.00
61	Kerja-kerja menurap semula Jalan Delima, Taman Sri Delima	150,000.00
JABATAN KERJA RAYA NEGERI PULAU PINANG (JKRPP)		
1	Menaik taraf jalan, perparitan dan bahu jalan di kawasan Jalan Perusahaan, Juru	199,845.00
2	Kerja penyelenggaraan garisan jalan pada jalan baharu dan yang pudar dengan <i>thermoplastic</i> serta kerja berkaitan di KADUN Bukit Tengah dan jalan sekitar Seberang Perai Tengah	192,604.00
3	Kerja membaru muka dan <i>milling</i> jalan rosak dan berlubang serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Perindustrian Bukit Minyak dan kawasan sekitar Seberang Perai Tengah	496,020.00
4	Kerja-kerja penyenggaraan longkang dan <i>culvert</i> yang pecah dan rosak di Kawasan Perindustrian Bukit Tengah dan kawasan sekitar Seberang Perai Tengah	189,628.00
5	Kerja membaru muka jalan rosak dan berlubang serta kerja-kerja berkaitan di sebahagian jalan kawasan Bukit Minyak dan Bukit Tengah serta kawasan sekitar Seberang Perai Tengah	489,408.75
6	Kerja penyelenggaraan perabot jalan dan perabot keselamatan jalan serta papan tanda di sekitar KADUN Bukit Tengah dan kawasan sekitar Seberang Perai Tengah	197,950.00

BIL.	KERJA	KOS PROJEK (RM)
7	Kerja membaru muka jalan rosak dan berlubang serta kerja-kerja berkaitan di sebahagian Jalan Industri Asas Murni dan kawasan sekitar Seberang Perai Tengah	488,625.00
8	Kerja membaru muka dan <i>milling</i> jalan rosak dan berlubang serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Perindustrian Bukit Minyak dan kawasan sekitar Seberang Perai Tengah	497,032.00
9	Menaik taraf jalan-jalan, perparitan dan bahu jalan di Kawasan Perusahaan Bukit Tengah	200,000.00
10	Kerja penyelenggaraan garisan jalan baharu dan yang pudar dengan <i>thermoplastic</i> serta kerja berkaitan di kawasan Jalan Bukit Tengah dan jalan sekitar Seberang Perai Tengah	300,000.00
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH (PDTSPPT)		
1	Membina baharu jalan kampung di atas Lot 164, Kampung Sekolah	32,400.00
2	Menaik taraf longkang konkrit di atas Lot 178 dan Lot 10025, Mukim 1, Kampung Jawa	92,879.00
3	Menaik taraf longkang serta kerja berkaitan di atas Lot 221 dan Lot 1638, Mukim 12, Kampung Bukit Kechil	78,714.00
4	Penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan-jalan Kampung Bukit Kechil	50,000.00
5	Penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan-jalan Kampung Jawa	97,056.00
6	Penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan-jalan Kampung Kebun Sireh	50,000.00
7	Penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan-jalan Kampung Sungai Semilang	47,182.00
8	Penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan-jalan Kampung Tok Panjang	98,000.00
9	Penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan-jalan Kampung Weng Lee	97,997.00
10	Membina baharu Jalan Kampung Sekolah	27,624.00

BIL.	KERJA	KOS PROJEK (RM)
11	Penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan Kampung Permatang Batu	50,000.00
12	Membina longkang di Lot 476, Kampung Kebun Sireh	49,990.00
13	Membina longkang konkrit di Lot 97, Mukim 11, Kampung Kebun Sireh	152,767.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

14. Nyatakan butiran terperinci projek-projek dengan kos yang telah dan sedang dirancang untuk dilaksanakan oleh MBSP, JKR dan PDT SPT untuk penyelenggaraan jalan raya dan menaik taraf sistem perparitan di KADUN Bukit Tengah dari Mei 2024 sehingga 31 Disember 2025.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Butiran terperinci projek-projek penyelenggaraan jalan raya dan penaiktarafan sistem perparitan yang akan dilaksanakan dan dalam perancangan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT) di KADUN Bukit Tengah dari bulan Mei 2024 sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Senarai perancangan projek bagi tahun 2025 adalah belum dimuktamadkan memandangkan kelulusan peruntukan hanya akan diterima dari Jabatan Kewangan Negeri (JKN) pada bulan Disember 2024.

**JADUAL 1: SENARAI PROJEK INFRASTRUKTUR YANG AKAN
DILAKSANAKAN DI KADUN BUKIT TENGAH (MEI 2024 - DISEMBER
2025)**

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)		
1	Kerja-kerja penurapan jalan di Jalan Delima 1, Taman Delima	150,000.00
2	Kerja-kerja penyelenggaraan parit di Jalan Nangka	20,000.00
3	Kerja-kerja penyelenggaraan parit di Tingkat Nangka 1	20,000.00
4	Kerja-kerja penyelenggaraan parit di Lorong Kerjasama 3, Taman Kerjasama	50,000.00
5	Kerja-kerja penyelenggaraan jalan di Lorong Kerjasama 1, Taman Kerjasama	200,000.00
6	Kerja-kerja penyelenggaraan parit, perabot jalan dan kerja-kerja berkaitan di DUN Bukit Tengah	1,000,000.00
7	Kerja-kerja menurap semula jalan dan kerja-kerja berkaitan di DUN Bukit Tengah	1,200,000.00
8	Kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan kecemasan di DUN Bukit Tengah	500,000.00
JABATAN KERJA RAYA NEGERI PULAU PINANG (JKRPP)		
1	Menaik taraf jalan-jalan, perparitan dan bahu jalan di Kawasan Perusahaan Bukit Tengah	200,000.00
2	Kerja penyelenggaraan garisan jalan baru dan yang pudar dengan <i>thermoplastic</i> serta kerja berkaitan garisan jalan di kawasan Jalan Bukit Tengah dan kawasan sekitar	300,000.00
3	Kerja penyelenggaraan longkang dan bahu jalan rosak serta kerja berkaitan di sebahagian Jalan Industri Bukit Tengah dan kawasan sekitar	200,000.00
4	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dengan kaedah <i>heavy patching</i> di Parlimen Batu Kawan – KADUN Bukit Tengah	200,000.00
5	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang di Jalan Tok Kangar serta kawasan sekitar	500,000.00
6	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang dengan membaru muka dan <i>milling</i> di Jalan Juru serta kawasan sekitar	300,000.00

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
7	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang dengan membarumuka dan <i>milling</i> di Jalan Kebun Nenas serta kawasan sekitar	500,000.00
8	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang dengan membarumuka dan <i>milling</i> di Jalan IKS Juru serta kawasan sekitar	200,000.00
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH (PDTSP)		
1	Kerja-kerja membina tembok konkrit penahan tebing parit kampung di Kampung Tersusun Juru	103,000.00
2	Kerja-kerja membina longkang U 600mm di Lot 118, Mukim 11, Kampung Kebun Sireh	45,000.00
3	Kerja-kerja membina longkang U 600mm di Bukit Kechil Hujung	150,000.00
4	Kerja-kerja membina longkang di Lot 246 Kampung Bukit Kechil	40,000.00
5	Kerja-kerja mencuci parit tanah kampung di KADUN Bukit Tengah	200,000.00
6	Kerja-kerja membina longkang U 600mm (air bertakung) di Kampung Weng Lee	60,000.00
7	Kerja-kerja membina longkang di Lot 1293, Kampung Sekolah	50,000.00
8	Kerja-kerja membina baharu Jalan Kampung Sekolah di Lot 1292/1293/160, Kampung Sekolah	80,000.00
9	Kerja-kerja membina longkang di Lot 1291, Kampung Sekolah	50,000.00
10	Kerja-kerja membina baharu jalan di Lot 8407/8408//8409/8410/8411/8412/8413/8414 dan Lot 8415 di Kampung Permatang Kebun Sireh	100,000.00
11	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula Jalan Kampung Sekolah	150,000.00
12	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula Jalan Kampung Bukit Kecil	100,000.00
13	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan Kampung Tok Kangar	150,000.00
14	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan Kampung Weltex	40,000.00

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
15	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula Jalan Kampung Jawa	200,000.00
16	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula Jalan Kampung Tok Panjang	100,000.00
17	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan Kampung Bagan Nyiur	30,000.00
18	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan Kampung Sungai Semilang	50,000.00
19	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan Kampung Kuala Juru	50,000.00
20	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan Kampung Kuala Juru (Bukit Juru)	150,000.00
21	Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang serta menurap semula jalan Kampung Permatang Batu 2	100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		7,538,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

15. Senaraikan semua projek dengan anggaran kos yang dipohon di bawah setiap Rancangan Malaysia dari RMKe-9 sehingga RMKe-12 bagi negeri Pulau Pinang dan nyatakan jumlah daripada projek yang dipohon tidak atau belum diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Permohonan projek di bawah Rancangan Malaysia adalah berdasarkan permohonan terus daripada agensi dan jabatan dan dikemukakan melalui kementerian atau jabatan yang berkaitan. Projek-projek yang sedang atau telah dilaksanakan bagi RMK-10 hingga RMK-12 (sehingga *Rolling Plan 4 - RP4*) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Manakala permohonan projek yang telah dimohon oleh agensi dan jabatan di bawah RMK-10 hingga RMK-12 (sehingga *Rolling Plan 5 – RP5*) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

**PROJEK-PROJEK YANG SEDANG ATAU TELAH DILAKSANAKAN BAGI
RMKe-10 HINGGA RMKe-12 (SEHINGGA ROLLING PLAN 5 – RP5)
NEGERI PULAU PINANG**

Status Projek	RMKe-10		RMKe-11		RMKe-12	
	BILANGAN	KOS PROJEK	BILANGAN	KOS PROJEK	BILANGAN	KOS PROJEK
Projek Baru						
Batal	12	323,359,429.00	1		5	4,000,000.00
Pra Pelaksanaan	-		-		142	5,082,110,386.68
Dalam Pelaksanaan	73	2,907,749,598.77	98	3,071,050,590.00	89	4,122,039,034.43
Pasca Pelaksanaan	-		-		23	133,818,274.50
Siap Kemajuan	201	1,228,031,863.32	44	414,842,088.40	28	128,529,231.00
Siap Sepenuh	99	1,308,069,073.46	19	137,271,891.00	15	17,529,294.00
Simpan Perhatian	-		-		5	672,050,800.00
Projek Sambungan						
Pra Pelaksanaan	-	-	-	-	11	964,068,690.00
Dalam Pelaksanaan	-	-	23	2,898,878,104.00	32	2,344,916,742.53
Pasca Pelaksanaan	-	-	-		35	4,125,581,125.49
Siap Kemajuan	-	-	55	2,171,435,011.76	22	1,185,540,468.00
Siap Sepenuh	-	-	17	576,487,457.00	4	95,496,007.00
Simpan Perhatian	-	-	-		5	88,124,370.00
JUMLAH KESELURUHAN	385	5,767,209,964.55	257	9,269,965,142.16	416	18,963,804,423.63

LAMPIRAN B

**PERMOHONAN PROJEK OLEH AGENSI DAN JABATAN DI BAWAH
RMKe-10 HINGGA RMKe-12 (SEHINGGA *ROLLING PLAN 5 – RP5*)
NEGERI PULAU PINANG**

RMKe - 10		RMKe - 11		RMKe - 12	
BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK (RM)	BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK (RM)	BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK (RM)
450	8,207,406,570	121	12,015,281,623	570	111,032,009,473

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

16. Nyatakan kelebihan negeri Pulau Pinang berbanding dengan negeri-negeri lain yang menjadikan negeri kita sebagai destinasi pilihan pelaburan FDI bernilai tinggi dalam industri semikonduktor, teknologi serta penjagaan kesihatan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Berikut adalah kelebihan negeri Pulau Pinang berbanding dengan negeri-negeri lain yang menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelaburan FDI bernilai tinggi:
 - (a) Taman-taman perindustrian sedia ada dan baharu yang bertaraf Antarabangsa

Sejak tahun 70-an, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah membangunkan taman-taman perindustrian (termasuk Zon Perindustrian Bebas) dan menyediakan tapak pengilangan dan infrastruktur supaya para pengilang boleh mendirikan kilang. Jumlah taman-taman perindustrian dalam negeri sebanyak 11 buah dan terletak di kawasan-kawasan yang strategik, contohnya berdekatan dengan Jambatan Pulau Pinang, Jambatan Kedua Pulau Pinang dan lebuhraya utama. Kerajaan Negeri kini berusaha untuk mempercepatkan pembangunan taman-taman perindustrian baharu yang lengkap dengan infrastruktur bertaraf antarabangsa seperti Taman Teknologi Bandar Cassia (*Bandar Cassia Technology Park*), Taman Perindustrian Batu Kawan 3 (BKIP3) dan Taman Sains Pulau Pinang Selatan (PSPS). Ketiga-tiga taman perindustrian baharu ini mempunyai jumlah keluasan tanah yang melebihi 800 ekar bagi menampung jumlah permintaan tanah perindustrian yang

tinggi oleh pelabur asing dan tempatan.

- (b) InvestPenang sebagai agensi utama promosi dan menarik pelaburan

Kerajaan Negeri melalui InvestPenang berusaha untuk menarik pelaburan dan melaksanakan '*hand holding programme*' para pelabur baharu yang ingin beroperasi di Pulau Pinang diberi perhatian, sokongan dan fasilitasi untuk memudahkan mereka menubuhkan syarikat perniagaan, membina atau menyewa bangunan kilang yang baharu dan memulakan operasi pengilangan. Ini adalah untuk memastikan kesenangan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan pesaing-pesaing utama mahupun negara asing seperti negara Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia atau negeri-negeri lain.

- (c) Ekosistem dan rantai sumber (*supply chain*) yang lengkap terutamanya untuk industri elektrik dan elektronik (E&E) dan semikonduktor

Dengan pembangunan perindustrian yang melebihi 50 tahun, negeri Pulau Pinang kini digelar 'Silicon Valley of the East' dan mempunyai ekosistem industri terutamanya untuk industri E&E dan semikonduktor yang paling lengkap di Malaysia. Kelebihan ini menjadi faktor penarikan pelabur-pelabur berpotensi terutamanya syarikat-syarikat dalam bidang sama di mana banyak pembekal dan pelanggan mereka sudah mempunyai tapak pembuatan di dalam negeri. Kebolehan syarikat-syarikat tempatan yang berkeupayaan tinggi juga membolehkan para pelabur asing mendapatkan komponen, bahan mentah serta servis dengan mudah, cepat dan kos yang lebih murah.

- (d) Hala tuju dan fokus kepada projek pelaburan baharu yang strategik

Fokus dan hala tuju penarikan pelaburan baharu ke dalam negeri kini ditumpukan kepada projek strategik yang membawa nilai tambahan (*value-add*) sama ada dalam perkembangan teknologi, kemahiran tenaga kerja tempatan dan perkembangan ekosistem. Nilai tawaran (*value proposition*) industri Pulau Pinang cenderung terhadap projek-projek intensif ilmu (*knowledge intensive*) dan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Projek-projek yang

memerlukan tenaga kerja tidak mahir yang ramai tidak lagi sesuai untuk dilaksanakan di Pulau Pinang.

(e) Pembangunan modal insan

Kerajaan Negeri turut bersiap sedia memupuk dan meningkatkan tenaga kerja di Pulau Pinang termasuk rancangan strategik untuk menarik dan mengekalkan bakat di tempat kerja, mengatasi jurang penawaran dan permintaan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan bekerjasama dengan institusi latihan dan institusi pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan di Pulau Pinang.

(f) Mewujudkan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu dan Digital di Taman Perindustrian Bayan Lepas.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan InvestPenang baru-baru ini mengumumkan pelan untuk mewujudkan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Projek seluas 42.5 hektar itu terdiri daripada dua (2) fasa dan menawarkan sejumlah sejuta kaki persegi ruang pejabat premium untuk menarik dan menempatkan projek berimpak tinggi merangkumi reka bentuk litar bersepadu, penyelidikan dan pembangunan (R&D), perkhidmatan perniagaan global (GBS), pelaburan teknologi digital dan ekosistem ekonomi digital kitaran.

(g) Kejayaan '*Program Penang GBS Industry Academy*' (PGIA)

Kejayaan PGIA menandakan kolaborasi berjaya antara InvestPenang, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang, dan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dalam meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam industri ekonomi digital. Usaha ini berhasil meningkatkan tenaga kerja dalam bidang seperti sains data, pembangunan perisian, keselamatan siber dan memberi Pulau Pinang kelebihan dalam menarik pelaburan asing dengan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang tersedia.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

17. Apakah rancangan terperinci jangka masa sederhana dan panjang kerajaan untuk kekal mendapat pelaburan strategik untuk terus mengekalkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelaburan rantau Asia-Pasifik?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Antara rancangan Kerajaan Negeri untuk kekal mendapat pelaburan strategik dan mengekalkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelaburan rantau Asia-Pasifik adalah seperti berikut:
 - (a) Memastikan Pulau Pinang mencapai sasaran menjadi negeri yang berorientasikan *Environmental, Social and Governance (ESG)*. Ini adalah kerana ESG kini menjadi salah satu daripada faktor penentuan pemilihan pelabur yang berpotensi dan lokasi yang memenuhi piawaian ESG kini mempunyai kelebihan dalam proses pemilihan tapak (*site selection process*). Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan para pelabur untuk mengamalkan konsep hijau apabila bercadang membina kilang yang baharu atau membuat pengubahsuaian kilang sedia ada. Konsep hijau yang dimaksudkan ini adalah seperti reka bentuk bangunan yang menerapkan ciri-ciri *green building index, campus style, rain harvesting system, natural ventilation system*, penanaman pokok-pokok di sekitar kawasan kilang dan juga mengamalkan aktiviti kitar semula dalam proses pembuatan;
 - (b) Pihak Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berusaha untuk membangunkan Taman-

Taman Perindustrian baharu bertaraf antarabangsa, antaranya adalah Taman Teknologi Bandar Cassia (*Bandar Cassia Technology Park*) yang berkeluasan 303 ekar dijangka siap pada suku tahun ke empat 2026 dan manakala Taman Perindustrian Batu Kawan 3 (BKIP3) yang berkeluasan 407 ekar dijangka siap pada suku tahun ke empat 2025 untuk Fasa 1 berjumlah 60 ekar. Taman-taman perindustrian baharu ini akan dapat menampung jumlah permintaan tanah perindustrian yang tinggi oleh pelabur asing dan tempatan;

- (c) Pihak *InvestPenang* juga berusaha untuk memantapkan pelaksanaan *Hand Holding Programme* supaya para pelabur baharu yang ingin beroperasi di Pulau Pinang akan diberi perhatian, sokongan dan fasilitasi untuk memudahkan mereka menuju syarikat perniagaan, mendapatkan lesen-lesen yang berkaitan, membina/menyewa bangunan kilang yang baharu dan memulakan operasi pengilangan. Ini adalah untuk memastikan kemudahan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan pesaing-pesaing yang lain seperti Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia dan sebagainya;
- (d) Menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu hub global dalam pelbagai bidang industri berteknologi tinggi. Selain daripada terus mengembangkan aktiviti E&E dan semikonduktor yang sedia ada, Kerajaan Negeri akan memfokuskan Pulau Pinang sebagai hub teknologi perubatan (*medical technology*), membangunkan rantaian bekalan (*supply chain*) untuk *front-end manufacturing equipment* dan menggalakkan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta Reka bentuk dan Pembangunan (D&D) di Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri menggalakkan serta membantu lebih banyak syarikat tempatan melibatkan diri dalam rantaian nilai global untuk menggerakkan rantaian nilai (*move up the value chain*) serta memantapkan ekosistem sedia ada;
- (e) Untuk industri perkhidmatan dan ekonomi digital, *InvestPenang* telah bekerjasama dengan MDEC, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dan Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang dengan menuju syarikat *Penang GBS Industry Academy* (PGIA) pada tahun 2022. Akademi ini menawarkan peluang untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula individu bagi memberi nilai

tambah serta melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam pekerjaan teknologi yang amat diperlukan kini khususnya dalam bidang seperti sains data, pembangunan perisian dan keselamatan siber dan sebagainya. Ini secara tidak langsung dapat membantu Kerajaan Negeri melahirkan lebih ramai bakat baru di masa hadapan dan meningkatkan tahap kebolehpasaran individu di negeri ini;

- (f) Memastikan keperluan prasarana disediakan khusus untuk para pelabur baharu dan sedia ada termasuk membangunkan *Penang Cybercity*, supaya dapat memperkasakan ekonomi negeri di samping membentuk Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang dipacu secara digital, berpendapatan tinggi dan peneraju serantau dalam ekonomi digital. Kerajaan Negeri telah meletakkan komitmen yang teguh terhadap evolusi infrastruktur dalam membentuk landskap pelaburan di negeri ini. Sehingga kini, terdapat 11 fasiliti pejabat dan prasarana telah dibina untuk memenuhi permintaan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ekonomi digital. Antaranya ialah GBS@ Mayang dan GBS@Mahsuri oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) dan beberapa projek swasta seperti One Precinct, Livingston Tower dan sebagainya;
- (g) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PDC dan *InvestPenang* baru-baru ini mengumumkan pelan untuk mewujudkan Taman Litar Bersepadu dan Digital Pulau Pinang (*Penang IC Design and Digital Park*) di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Projek seluas 42.5 hektar itu terdiri daripada dua (2) fasa dan menawarkan sejumlah sejuta kaki persegi ruang pejabat premium untuk menarik dan menempatkan projek berimpak tinggi merangkumi reka bentuk litar bersepadu, penyelidikan dan pembangunan (R&D), perkhidmatan perniagaan global (GBS), pelaburan teknologi digital dan ekosistem ekonomi digital kitaran. Antara perancangan Kerajaan Negeri dalam tiga (3) tahun ini yang melibatkan taman ini ialah:-
- (i) Pembangunan fasa pertama sedang dijalankan. Ia menyediakan dua (2) bangunan pejabat iaitu *GBS By The Sea* dan *GBS TechSpace* yang berjumlah 350,000 kaki persegi, dengan pelaburan sebanyak RM347 juta. Ia dijangka siap pada suku keempat tahun 2024;

- (ii) Pembangunan fasa kedua pula melibatkan pembinaan *GBS TechnoPlex* yang akan menyediakan ruang pejabat bersaiz 500,000 kaki persegi dengan kos pembinaan sebanyak RM308 juta. Projek ini dijangka siap menjelang 2027;
- (iii) Memperkenalkan kadar sewa bersubsidi untuk ruang pejabat milik PDC khususnya kepada pemain Reka bentuk Litar Bersepadu dan Digital; dan
- (iv) Memohon kepada kerajaan Persekutuan untuk insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem reka bentuk litar bersepadu dan digital. Inisiatif ini akan dimasukkan dalam pakej insentif yang akan diumumkan kemudian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

18. Apakah rancangan jangka masa pendek dan panjang kerajaan dan PBAPP untuk menyelesaikan masalah tekanan air rendah di kawasan perumahan Taman Bukit Juru, Taman Cendana Indah, Taman Cendana Emas, Taman Cendana dan Taman Seri Cendana?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif menyediakan perancangan jangka masa pendek melalui Pelan Kontigensi Air 2030 (*Water Contingency Plan 2030*) dengan pelaburan sebanyak RM1.18 billion untuk membangunkan projek infrastruktur bekalan air melalui lapan (8) projek utama bagi memenuhi permintaan bekalan air sehingga Tahun 2030 seperti berikut:

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1.	<i>New Bukit Panchor DAF (Dissolved air flotation) WTP</i>	2023	10	18.6
2.	<i>Package 12A Sungai Dua WTP (additional water treatment module)</i>	2023	114	31
3.	<i>Laying 13 km of 1,800 mm water distribution from Sungai Dua WTP to Butterworth in Seberang Perai</i>	2024		128

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
4.	<i>Laying of 3.9 km of 1,800 mm water distribution pipelines from Macallum area to PBAPP Bukit Dumbar Reservoir and Pumping Station Complex on Penang island</i>	2024		44
5.	<i>Mengkuang dam WTP</i>	2025	114	120
6.	<i>Sungai Kerian WTP</i>	2027	114	171
7.	<i>Sungai Perai water supply scheme (including pre-treatment of raw water)</i>	2028	136	500
8.	<i>Sungai Muda WTP</i>	2028	114	171
JUMLAH				1,183.6

Projek-projek ini akan mengoptimum dan meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP di Pulau Pinang dan membolehkan Pulau Pinang memanfaatkan tiga (3) sumber air mentah tambahan baru di Seberang Perai iaitu Pakej Pembesaran Empangan Mengkuang, Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan dan Sungai Perai di Seberang Perai Utara. Dengan adanya inisiatif ini akan membantu menyelesaikan masalah tekanan air rendah di kawasan perumahan Taman Bukit Juru, Taman Cendana Indah, Taman Cendana Emas, Taman Cendana dan Taman Seri Cendana. Bagi perancangan jangka masa panjang, Kerajaan tidak akan berputus asa untuk memastikan projek pemindahan air Sungai Perak dapat dilaksanakan dengan segera bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi menjelang tahun 2050.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

19. Apakah status dan usaha kerajaan mencapai sasaran sifar miskin tegar dalam negeri kita?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Sebagai sebuah pentadbiran yang prihatin terhadap nasib rakyat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha demi kebajikan rakyat agar negeri Pulau Pinang dapat mencapai sasaran sifar miskin tegar. Sejujurnya usaha ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk dicapai sepenuhnya. Antara usaha yang dilaksanakan adalah:
 - (i) Menyalurkan bantuan kewangan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Bantuan-bantuan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merangkumi Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) secara bulanan manakala bantuan-bantuan lain seperti Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar dan Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan;
 - (ii) Memberi bantuan kewangan secara bulanan melalui Program BAES untuk membantu dan membasi kemiskinan di Pulau Pinang. Pemberian BAES merupakan kesinambungan pemberian Bantuan Am JKM yang dijenamakan semula daripada Program Agenda Ekonomi Saksama (AES). Setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan penerimaan BAES akan dibayar pada kadar antara

RM100.00 (minimum) sehingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan;

- (iii) Melaksanakan Program 2 Years *Exit Programme* (2YEP) kepada penerima-penerima bantuan JKM yang layak. Program yang berkonsepkan kebajikan produktif ini menyediakan peserta program ke arah kehidupan yang lebih berdikari agar tidak bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk sara hidup selain mewujudkan peluang penjanaan sumber pendapatan yang stabil dan berterusan kepada peserta program;
- (iv) Mengadakan kursus-kursus kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini, keluarga miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran tertentu seperti kursus masakan atau jahitan supaya kemahiran tersebut boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan dan hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan kerajaan;
- (v) Melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi di bawah Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada;
- (vi) Menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikro kredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan miskin ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka;

- (vii) Menyediakan kemudahan pinjaman kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Tabung pinjaman mikro kredit tanpa faedah ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada penternak, petani dan nelayan dalam golongan B40 khususnya untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan punca pendapatan yang besar. Dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan memfokuskan kepada belia, kini had umur tabung tersebut telah diperluas kepada peminjam berumur 18 hingga 60 tahun; dan
- (viii) Memberi bantuan makanan kepada golongan sasar yang telah dikenal pasti termasuklah golongan miskin. Program yang dinamakan sebagai Program Mutiara Foodbank ini berkonsepkan pengagihan semula makanan yang diselamatkan dan masih boleh dimakan dari pelbagai pasar raya sekitar Pulau Pinang kepada penerima manfaat.

Selain ini, Kerajaan Persekutuan turut memperkenalkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sebagai usaha menoktahkan kemiskinan tegar. IPR menumpukan kepada pengupayaan golongan termiskin supaya meningkatkan potensi pendapatan. Tiga (3) inisiatif yang diberi tumpuan di bawah IPR adalah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Usaha ini akan terus dilaksanakan dan ditambah baik setiap masa sesuai dengan perkembangan ekonomi negara. Ternyata, setiap usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan adalah untuk memastikan sumbangan sampai kepada rakyat yang memerlukan dan jumlah miskin tegar dapat dikurangkan. Proses pembersihan data dapat membantu Jabatan/ Agensi pemberi bantuan untuk mengenal pasti bentuk bantuan yang dapat disalurkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) bagi mengeluarkan mereka dari kategori Miskin Tegar. Proses pembersihan data bersama Jabatan/ Agensi pemberi bantuan amat berkesan apabila kesemua KIR/ AIR dalam kategori Miskin Tegar diperhalusi secara individu untuk membantu mereka keluar daripada kategori Miskin Tegar. Namun, hakikatnya untuk sesbuah negeri keluar dari sifar miskin tegar secara kekal adalah sukar dicapai sepenuhnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

20. Nyatakan rancangan terperinci jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk membantu warga emas meningkatkan kualiti kehidupan mereka dalam masyarakat yang semakin menua.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif 2022 yang bertujuan untuk membangunkan komuniti dan membentuk persekitaran mampan dengan menumpukan beberapa teras utama seperti kesihatan, penyertaan masyarakat dan keselamatan bagi meningkatkan kualiti hidup seiring dengan peningkatan usia individu.

Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif telah dirangka meliputi fasa-fasa pelaksanaan inisiatif untuk warga emas dalam usaha memastikan mereka masih aktif. Pelan ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu Fasa Kesedaran; Fasa Integrasi dan Fasa Kemampanan. Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Fasa Pertama memerlukan penglibatan semua pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan rakan strategik untuk sama-sama mempromosikan inisiatif penuaan aktif ini pada peringkat akar umbi;
- (b) Fasa Kedua bagi pengintegrasian penuaan aktif dalam kalangan komuniti pula akan lebih menumpukan terhadap penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) atau pusat aktiviti demi manfaat warga emas selain menggalakkan

penyertaan masyarakat secara sukarela untuk menyantuni warga emas dalam komuniti setempat. Pelaksanaan ini di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui perkhidmatan Bahagian Warga Emas membantu meningkatkan kualiti kehidupan warga emas di dalam komuniti dengan menggalakkan mereka menyertai aktiviti harian secara sihat bersama rakan seusia di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). PAWE ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial *reaching out* dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pelbagai aktiviti / program disediakan di PAWE seperti berikut:

- (i) Program Keagamaan
- (ii) Program Rekreasi
- (iii) Program Terapi dan Pemulihan
- (iv) Program Ceramah Kesihatan
- (v) Latihan atau kursus yang bersesuaian

Warga Emas yang berminat menjadi ahli PAWE boleh mengisi borang pendaftaran ahli di Pusat Aktiviti Warga Emas berhampiran tempat tinggal mereka. Setakat ini terdapat 6 buah PAWE di Negeri Pulau Pinang iaitu PAWE Bukit Mertajam, PAWE Sungai Dua, PAWE Permatang Pauh, PAWE Bayan Baru, PAWE Balik Pulau dan PAWE Batu Kawan. Bagi tahun 2024, 3 buah PAWE baru telah diluluskan penubuhan iaitu PAWE Kepala Batas, PAWE Jelutong dan juga PAWE Bukit Bendera.

Selain daripada itu, bantuan kewangan bulanan turut disediakan kepada warga emas yang berkeperluan dan tiada sumber pendapatan untuk menyara kehidupan. Kadar bantuan RM500.00 sebulan disalurkan kepada warga emas yang layak. Bagi kes warga emas yang tidak mempunyai waris ataupun berhadapan isu penjagaan, permohonan perkhidmatan Institusi Kebajikan bagi warga emas iaitu Rumah Sri Kenangan turut diuruskan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- (c) Fasa terakhir adalah menyediakan persekitaran mampan ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia sekali gus membolehkan pencapaian yang lebih terangkum. Inisiatif Bandar Mesra Usia (Age Friendly City) yang dijalankan secara berperingkat oleh MBPP merupakan strategi ketiga di dalam Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa prihatin terhadap golongan warga emas dan akan menyediakan kemudahan, perkhidmatan dan sokongan berterusan yang boleh diakses dari aspek penjagaan kesihatan, kebajikan dan sosioekonomi untuk menghadapi hari tua dengan penuh martabat dan penghormatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

21. Senaraikan bilangan unit rumah di bawah projek Rumah Mampu Milik (RMM) mengikut kategori RMM serta bilangan unit yang masih kosong dan tidak dihuni dalam negeri.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) mengawal penawaran setiap unit Rumah Mampu Milik (RMM) sebaik sahaja pihak pemaju memperoleh Permit Iklan dan Lesen Pemaju (*Advertising Permit and Developer License - APDL*). Senarai Menunggu aktif yang dijana dari Sistem Maklumat Perumahan akan dibekalkan kepada pemaju sebelum proses Jual Beli diteruskan. Sehingga 30 April 2024, baki unit RMM yang masih kosong dan belum ditawarkan mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

BIL.	KATEGORI RMM	JUMLAH UNIT KESELURUHAN	BAKI UNIT
1.	RMM A	21,405	140
2.	RMM B	15,475	365
3.	RMM C	13,820	1,159
JUMLAH		50,700	1,664

Jadual 1: Baki Unit Rumah Mampu Milik mengikut kategori sehingga 30 April 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

22. Nyatakan bilangan pelajar di sekolah SJKC dan SMJK di seluruh negeri terkini dan pecahan daripada jumlah tersebut bilangan pelajar mengikut kaum (Cina, Melayu, India) di sekolah-sekolah tersebut.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Bilangan pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) di seluruh negeri terkini dan pecahan daripada jumlah bilangan pelajar mengikut kaum (Cina, Melayu, India) adalah seperti berikut:

- (a) Pecahan kaum bagi 90 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) negeri Pulau Pinang dengan jumlah keseluruhan seramai 42,158 bilangan pelajar:

SEKOLAH	KAUM			
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
SJKC	1,749	37,688	874	1,847

- (b) Pecahan kaum bagi 11 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) negeri Pulau Pinang dengan jumlah keseluruhan seramai 18,207 bilangan pelajar:

SEKOLAH	BILANGAN BANGSA			
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
SMJK	247	17,499	250	211

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

23. Apakah langkah jangka masa panjang Kerajaan Negeri dalam menangani masalah banjir kilat yang sering terjadi di sekitar Kampung Dock, Jalan Pengkalan dan Kampung Jawa, Bukit Tengah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Dalam usaha menangani masalah banjir kilat yang sering terjadi di sekitar Kampung Dock, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melantik perunding bagi melaksanakan kajian reka bentuk terperinci bagi projek tebatan banjir di Kampung Dock. Kajian reka bentuk akan mengambil masa selama 12 bulan bermula 20 Mac 2024 sehingga 20 Mac 2025. Permohonan peruntukan untuk projek fizikal akan dilaksanakan setelah kos projek dimuktamadkan.

Berkaitan masalah banjir kilat di Jalan Pengkalan dan Kampung Jawa pula, kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan secara berkala dan berdasarkan keperluan memandangkan kawasan ini tidak dikategorikan sebagai kawasan *hotspot* dan berisiko banjir.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

24. Nyatakan bilangan penerima dan jumlah wang yang diperuntukkan untuk setiap jenis bantuan i-Sejahtera di Pulau Pinang, termasuk dan khususnya KADUN Bukit Tengah bagi tahun 2023 dan 2024.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Bilangan penerima dan jumlah wang yang diperuntukkan untuk setiap jenis bantuan i-Sejahtera di Pulau Pinang bagi tahun 2023 dan 2024 (bayaran Fasa 2) adalah seperti **LAMPIRAN A**.

Bilangan penerima dan jumlah wang yang diperuntukkan untuk setiap jenis bantuan i-Sejahtera di KADUN Bukit Tengah bagi tahun 2023 dan 2024 (bayaran Fasa 2) adalah seperti **LAMPIRAN B**.

MAKLUMAT BAYARAN PROGRAM I-SEJAHTERA NEGERI PULAU PINANG

PROGRAM	2023		2024 (SEHINGGA BAYARAN FASA 2)	
	PENERIMA	JUMLAH	PENERIMA	JUMLAH
BANTUAN IBU TUNGGAL	10,968	RM1,096,800.00	10,576	RM1,057,600.00
PENGHARGAAN WARGA EMAS	202,193	RM40,438,600.00	202,307	RM40,461,400.00
BANTUAN OKU	13,344	RM2,668,800.00	13,990	RM2,798,000.00
ANAK EMAS	5,971	RM1,194,200.00	1,998	RM399,600.00
SURI EMAS	45,844	RM4,584,400.00	44,327	RM4,432,700.00
KHAIRAT WARGA EMAS	5,886	RM5,886,000.00	1,550	RM1,550,000.00
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	24	RM24,000.00	1	RM1,000.00
KHAIRAT BANTUAN OKU	138	RM138,000.00	40	RM40,000.00
Jumlah (RM)	284,368	RM56,030,800.00	274,789	RM50,740,300.00

MAKLUMAT BAYARAN PROGRAM I-SEJAHTERA DUN BUKIT TENGAH

PROGRAM	2023		2024 (SEHINGGA BAYARAN FASA 2)	
	PENERIMA	JUMLAH	PENERIMA	JUMLAH
BANTUAN IBU TUNGGAL	329	RM32,900.00	318	RM31,800.00
PENGHARGAAN WARGA EMAS	3,885	RM777,000.00	3,871	RM774,200.00
BANTUAN OKU	239	RM47,800.00	87	RM17,400.00
ANAK EMAS	118	RM23,600.00	46	RM9,200.00
SURI EMAS	1,550	RM155,000.00	1,489	RM148,900.00
KHAIRAT WARGA EMAS	105	RM105,000.00	39	RM39,000.00
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	1	RM1,000.00	0	RM0.00
KHAIRAT BANTUAN OKU	0	RM0.00	1	RM1,000.00
Jumlah (RM)	6,227	RM1,142,300.00	5,851	RM1,021,500.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

25. Nyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk program iBita dan bilangan penerima bagi tahun 2023 dan 2024 di Pulau Pinang dan KADUN Bukit Tengah.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Program Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (iBITA) tahun 2023 meliputi kesemua lima (5) Pejabat Daerah iaitu Pejabat Daerah Timur Laut, Pejabat Daerah Barat Daya, Pejabat Daerah Seberang Perai Utara, Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah dan Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan adalah sebanyak **RM2,971,800.00**.

Walau bagaimanapun, permohonan bantuan Program iBita bagi tahun 2024 masih belum dibuka. Permohonan iBita tahun 2024 akan dibuka pada bulan Julai 2024.

Perincian peruntukan dan bilangan penerima Program iBita tahun 2023 di negeri Pulau Pinang dan mengikut DUN adalah seperti di **LAMPIRAN A, LAMPIRAN B, dan LAMPIRAN C**.

Nyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk program iBita dan bilangan penerima bagi tahun 2023 dan 2024 di Pulau Pinang dan KADUN Bukit Tengah

Jumlah Wang Yang Telah Diperuntukkan Untuk Program iBITA Dan Bilangan Penerima Bagi Tahun 2023 adalah seperti berikut:-

TAHUN 2023		
DAERAH	BILANGAN PENERIMA BERJAYA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Daerah Timur Laut	595	595,400.00
Daerah Barat Daya	517	484,700.00
Daerah Seberang Perai Utara	963	802,700.00
Daerah Seberang Perai Tengah	707	673,200.00
Daerah Seberang Perai Selatan	436	415,800.00
JUMLAH	3,218	2,971,800.00

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Program Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (iBITA) Tahun 2023 meliputi kesemua lima (5) Pejabat Daerah iaitu Pejabat Daerah Timur Laut, Pejabat Daerah Barat Daya, Pejabat Daerah Seberang Perai Utara, Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah dan Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan adalah sebanyak **RM2,971,800.00**.

Walau bagaimanapun, permohonan bantuan Program iBita bagi tahun 2024 masih belum dibuka. Permohonan iBita tahun 2024 akan dibuka pada bulan Julai 2024.

Jumlah Wang Yang Telah Diperuntukkan Untuk Program iBITA dan Perincian Bilangan Penerima Bagi Tahun 2023 Di Kadun Bukit Tengah

DUN	Bilangan Penerima Berjaya	Jumlah Peruntukan (RM)
Bukit Tengah	67	64,600.00

DUN	Kaum	2023	
		Lelaki	Perempuan
N17-Bukit Tengah	Melayu	12	26
	Cina	6	9
	India	6	8
	Lain-lain	0	0
	Jumlah	24	43

LAMPIRAN C

Bil	UNIVERSITI	negeri	Jumlah
1	ASIAN INSTITUTE OF MEDICINE, SCIENCE AND TECHNOLOGY (AIMST)	KEDAH	1000
2	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman	PULAU PINANG	1000
3	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1000
4	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman	PULAU PINANG	1000
5	Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman	PULAU PINANG	1000
6	Politeknik Balik Pulau	PULAU PINANG	300
7	Politeknik Seberang Perai	PULAU PINANG	300
8	Politeknik Seberang Perai	PULAU PINANG	300
9	Politeknik Seberang Perai	PULAU PINANG	300
10	Universiti Malaya	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1000
11	Universiti Malaya	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1000
12	Universiti Malaya	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1000
13	Universiti Malaya	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1000
14	Universiti Malaya	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1000
15	Universiti Malaya	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1000
16	Universiti Malaya	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1000
17	Universiti Kebangsaan Malaysia	SELANGOR	1000
18	Universiti Malaysia Kelantan	KELANTAN	1000
19	Universiti Malaysia Kelantan	KELANTAN	1000
20	Universiti Malaysia Perlis	PERLIS	1000
21	Universiti Malaysia Perlis	PERLIS	1000
22	Universiti Malaysia Perlis	PERLIS	1000
23	Universiti Malaysia Sabah	SABAH	1200
24	Universiti Malaysia Sabah	SABAH	1200
25	Universiti Malaysia Terengganu	TERENGGANU	1000
26	Universiti Malaysia Terengganu	TERENGGANU	1000
27	Universiti Malaysia Terengganu	TERENGGANU	1000
28	Universiti Pendidikan Sultan Idris	PERAK	1000
29	Universiti Pendidikan Sultan Idris	PERAK	1000
30	Universiti Pendidikan Sultan Idris	PERAK	1000
31	Universiti Sains Malaysia	PULAU PINANG	1000
32	Universiti Sains Malaysia	PULAU PINANG	1000
33	Universiti Sains Malaysia	PULAU PINANG	1000
34	Universiti Sains Malaysia	PULAU PINANG	1000
35	Universiti Sains Malaysia	PULAU PINANG	1000
36	Universiti Teknologi MARA	KEDAH	1000
37	Universiti Teknologi MARA	PULAU PINANG	1000
38	Universiti Teknologi MARA	PULAU PINANG	1000
39	Universiti Teknologi MARA	PULAU PINANG	1000
40	Universiti Teknologi MARA	SELANGOR	1000
41	Universiti Teknologi MARA	PERAK	1000
42	Universiti Teknologi MARA	SELANGOR	1000
43	Universiti Teknologi MARA	KEDAH	1000
44	Universiti Teknologi MARA	KELANTAN	1000
45	Universiti Teknologi MARA	KEDAH	1000
46	Universiti Teknologi MARA	KEDAH	1000
47	Universiti Teknologi MARA	SELANGOR	1000
48	Universiti Teknologi MARA	KEDAH	1000
49	Universiti Teknologi MARA	KEDAH	1000
50	Universiti Teknologi MARA	PERAK	1000
51	Universiti Teknologi MARA	KEDAH	1000
52	Universiti Teknologi MARA	PULAU PINANG	1000
53	Universiti Teknologi MARA	PERAK	1000
54	Universiti Teknologi MARA	PERAK	1000
55	Universiti Teknologi MARA	PERLIS	1000
56	Universiti Teknologi MARA	PULAU PINANG	1000
57	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	JOHOR	1000
58	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	JOHOR	1000
59	Universiti Tunku Abdul Rahman	PERAK	1000
60	Universiti Tunku Abdul Rahman	PERAK	1000
61	Universiti Utara Malaysia	KEDAH	1000
62	Universiti Utara Malaysia	KEDAH	1000
63	Universiti Utara Malaysia	KEDAH	1000
64	Universiti Utara Malaysia	KEDAH	1000
65	Universiti Utara Malaysia	KEDAH	1000
66	Universiti Utara Malaysia	KEDAH	1000
67	Universiti Utara Malaysia	KEDAH	1000
			RM64,600.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XX)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

26. Nyatakan secara terperinci tindakan dan usaha penguatkuasaan MBSP, termasuk jumlah saman yang telah dikeluarkan di KADUN Bukit Tengah terhadap pengendalian perniagaan haram warga asing dari Januari 2023 sehingga kini.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Tindakan dan usaha penguatkuasaan yang telah diambil oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terhadap pengendalian perniagaan haram warga asing adalah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan dan Notis Tawaran Kompaun kepada pemilik perniagaan di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen atau melanggar syarat-syarat pelesenan;
 - (ii) Mengambil tindakan penutupan premis di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
 - (iii) Mengambil tindakan pembatalan lesen perniagaan milik warga tempatan yang digunakan oleh warga asing bagi menjalankan perniagaan;
 - (iv) Menjalankan tindakan rampasan barang niaga di premis perniagaan sekiranya pemegang lesen warga tempatan gagal mematuhi notis yang telah dikeluarkan;

- (v) Mengadakan operasi pemeriksaan bersepada bersama jabatan/agensi penguatkuasaan di kawasan-kawasan *hotspot* warga asing; dan
- (vi) Mewujudkan *task force* khusus bagi membincangkan isu-isu penglibatan warga asing di dalam sektor perniagaan.

Jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh MBSP bagi tahun 2023 adalah sebanyak 160 saman manakala bagi tahun 2024 (sehingga April) adalah sebanyak 100 saman.